

# KWSP tidak boleh dikeluarkan sewenang-wenangnya - PM

Oleh **HASIF IDRIS**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan tidak bercadang untuk memberi kelonggaran pengeluaran Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh pencarum.

Perdana Menteri menjelaskan, sekiranya kelonggaran itu diberi, ia berisiko menjejaskan simpanan pencarum sendiri apabila mereka bersara kelak.

Jelasnya, prinsip KWSP adalah sebagai simpanan untuk hari tua dan tidak seharusnya mempunyai kelonggaran berlebihan.

"Malah, kebimbangan turut timbul kerana majoriti penca- rum Melayu mempunyai sim- panan yang kecil dalam KWSP.

"Jika ruang pengeluaran di- buka terlalu luas, kita sebenar- nya menghukum mereka di hari tua," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Nu- rul Amin Hamid (PN-Padang Terap) mengenai kemungkinan kerajaan mempertimbangkan pengeluaran bersasar KWSP bagi pencarum yang kehilangan pekerjaan.

Oleh itu katanya, kerajaan perlu menyeimbangkan anta- ra menyelesaikan masalah

mendesak pencarum ketika ini atau membiarkan mereka berdepan kesulitan kewangan selepas bersara.

Menurut Anwar, KWSP se- belum ini pernah memberikan pengecualian dan kelonggaran dalam kes rayuan tertentu, khususnya bagi golongan yang benar-benar memerlukan.

"Jika ada kes spesifik seperti keuzuran, KWSP boleh me- pertimbangkan permohonan pengeluaran walaupun tidak mengikut peraturan dan kaed- ah semasa," tambahnya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan

penca- rum beragama Islam menyertai simpanan syariah KWSP, sebaliknya menggalak- kan penyertaan secara sukarela.

"Tiada dasar ya'ng mewa- jibkan umat Islam mencarum dalam simpanan syariah. Nam- un, dengan rekod dividen simpanan syariah yang baik, kita berharap lebih ramai akan memilihnya.

"Umat Islam juga perlu di- berikan penjelasan mengenai instrumen kewangan patuh syariah yang diperkenalkan da- lam sektor perbankan dan ke- wangan," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Mohd. Isam Mohd. Isa (BN-Tampin).



**ANWAR** Ibrahim ketika sesi soal jawab lisan pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-15 di Dewan Rakyat, semalam. - **JABATAN PENERANGAN**